



PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN ROMPIN
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN
50680 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)
Faks : 03-2698 9218
Email : pacparlimen@parlimen.gov.my
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>



16 November 2017

**Kenyataan Media YB Dato' Sri Hasan Arifin, Pengerusi Jawatankuasa
Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen Berhubung Pembentangan
Laporan PAC Parlimen Pengurusan Perkhidmatan Penyenggaraan
Kejuruteraan Fasiliti (FEMS) Di Hospital Di Bawah Kementerian
Kesihatan Malaysia (KKM).**

- 1) PAC Parlimen hari ini, membentangkan Laporan PAC berhubung Pengurusan Perkhidmatan Penyenggaraan Kejuruteraan Fasiliti (FEMS) di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di Dewan Rakyat.
- 2) Isu ini adalah penemuan Jabatan Audit Negara (JAN) dalam pembentangan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2015 Siri 2 yang dibentangkan di Parlimen pada 21 November 2016.
- 3) PAC Parlimen mengadakan Mesyuarat Prosiding berhubung isu ini, pada 7 Disember 2016 dengan memanggil Ketua Setiausaha KKM yang diwakili Dato' Seri Dr Chen Chaw Min bagi menjelaskan isu yang dibangkitkan JAN.
- 4) Dalam Mesyuarat Prosiding berkenaan, ahli-ahli PAC Parlimen membangkitkan isu-isu seperti berikut:
 - i) Penyenggaraan Berjadual atau *Plan Preventive Maintenance* (PPM) tidak dilaksanakan.
 - ii) Bayaran tidak dihentikan bagi aset tidak digunakan/rosak/dilupuskan.
 - iii) Aset tiada di lokasi (V4L).

- 5) Berdasarkan Mesyuarat Prosiding berkenaan, PAC Parlimen merumuskan bahawa:
- i) bersetuju dengan penambahbaikan yang dibuat oleh KKM bagi memantapkan pengurusan FEMS di hospital-hospital KKM. Pada masa sama, PAC Parlimen juga mahu KKM sentiasa memantau dengan lebih ketat penggunaan aset mudah alih di hospital.
- 6) Berikut itu, PAC Parlimen mengesyorkan kepada Kerajaan supaya:
- i) KKM perlu membuat pemantauan lebih ketat terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh syarikat konsesi pada masa sekarang dan akan datang, sebelum membuat pengesahan bagi tuntutan bayaran kepada semua hospital di seluruh negara. Syarikat konsesi perlu berintegriti dalam membuat tuntutan pembayaran kepada KKM.
 - ii) Penyelenggaraan Berjadual (PPM) perlu dilaksanakan mengikut kekerapan yang telah ditetapkan bagi memastikan aset dapat berfungsi dengan baik. KKM perlu memastikan denda dan penalti dikenakan sekiranya PPM tidak dilaksanakan.
 - iii) KKM perlu mempercepatkan pembangunan dan penggunaan sistem ASIS bagi membantu mempertingkatkan kerja-kerja pemantauan aset.
- 7) Orang ramai yang berminat untuk membaca dan meneliti Laporan PAC Parlimen berhubung Pengurusan Perkhidmatan Penyenggaraan Kejuruteraan Fasiliti (FEMS) di Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) boleh memuat turun (*download*) laporan berkenaan di laman web PAC di alamat www.parlimen.gov.my/pac

Yang Berhormat Dato' Sri Hasan Arifin
Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara
Parlimen Malaysia